



## **JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**PENJELASAN MAKSUD PERKATAAN  
“USED DIRECTLY” ATAU “DIRECTLY USED”  
DI DALAM PERINTAH CUKAI JUALAN  
(ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN  
CUKAI) 2018**

**KETETAPAN UMUM BIL. 03/2024**

---

**TARIKH KUATKUASA: 1 JUN 2024**

## **KETETAPAN UMUM**

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 03/2024 bagi menjelaskan berkenaan maksud “*used directly*” (digunakan secara langsung) atau “*directly used*” dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya, atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baharu atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

### **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: **1 Jun 2024**

### **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Apa-apa dalam penghasilan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber adalah diperlukan.

### **Penafian**

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini secara salah tafsir, tidak bertanggungjawab atau tidak berketepatan dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

## KANDUNGAN

PENGENALAN .....	1
PERUNDANGAN .....	1
MAKSUD “ <i>USED DIRECTLY</i> ” ATAU “ <i>DIRECTLY USED</i> ” .....	1

## PENGENALAN

1. Ketetapan Umum ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.
2. Ketetapan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar berkenaan maksud "*used directly*" atau "*directly used*" yang disebut dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

## PERUNDANGAN

3. Perundangan berkaitan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 adalah seperti berikut:
  - (a) butiran 33A, 33B, 46, 47, 48, 55, 63 dan 65, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018; atau
  - (b) butiran 3, Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

## MAKSUD *USED DIRECTLY* ATAU *DIRECTLY USED*

4. Di dalam ruang 4 Jadual A dan Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 telah menyatakan syarat tertentu bagi melayakkan seseorang untuk diberikan pengecualian cukai jualan.
5. Sehubungan itu, di antara syarat dalam ruang 4 dalam butiran 33A, 33B, 46, 47, 48, 55 dan 63, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dan butiran 3, Jadual B, Perintah yang samada menyebut perkataan "*used directly*" manakala butiran 65 Jadual A, Perintah yang sama menyebut perkataan "*directly used*".

6. "*Used directly*" atau "*directly used*" bermaksud semua barang yang dikecualikan cukai seperti di ruang 3, butiran 33A, 33B, 46, 47, 48, 55, 63 dan 65, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 atau butiran 3, Jadual B, Perintah yang sama yang digunakan dalam proses pengilangan termasuk proses pembungkusan, aktiviti *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO), pengeluaran berkaitan aktiviti petroleum hulu, pembinaan dan penyelenggaraan loji, perniagaan hotel atau operasi *haulage* yang dijalankan oleh orang tersebut hendaklah:
- (a) berada di premis orang dalam ruang (2), Jadual A atau B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 semasa proses atau aktiviti itu dijalankan;
  - (b) mengubah atau berubah daripada bahan mentah atau komponen menjadi barang siap sehingga proses bungkus dan pembungkusan; atau
  - (c) bagi tujuan pengendalian atau pengangkutan semasa proses atau aktiviti yang dijalankan.

**Ketua Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam Diraja  
Malaysia**